

STPM Kertas 1 2020:

Soalan 4 Jawapan yang dicadangkan

(a) Dua prinsip dan andaian perakaunan yang tidak dipatuhi oleh sesebuah perniagaan yang mengamalkan rekod tidak lengkap dalam merekod urus niaga perniagaan:

1. Prinsip catatan bergu

Prinsip ini memerlukan setiap urus niaga perniagaan direkod dua kali dengan amaun yang sama, iaitu satu catatan debit dan satu catatan kredit dalam akaun-akaun yang berkaitan dengan urus niaga. Perniagaan yang mengamalkan rekod tak lengkap tidak mempunyai catatan langsung atau hanya catatan tunggal.

2. Prinsip keobjektifan

Prinsip ini memerlukan perniagaan merekod urus niaga secara objektif tanpa bias, kesilapan atau ketinggalan dengan disokong oleh dokumen sumber yang relevan. Perniagaan yang tidak mempunyai rekod yang lengkap, lazimnya, membuat anggaran serta banyak urus niaga tertinggal dari rekod-rekod perniagaan.

(b) (i) Menghitung jumlah belian dan jumlah jualan:

Akaun kawalan belum bayar			
	RM		RM
Bank	124,000	Baki b/b	12,400
Pulangan belian	2,800	Belian	130,600
Baki h/b	16,200		
	143,000		143,000

Jumlah belian = 130,600 + 10,200 = RM140,800

Atau;

Jumlah belian = (16,200 + 124,000 + 2,800 – 12,400) + 10,200 = RM140,800

Akaun kawalan belum terima			
	RM		RM
Baki b/b	17,000	Bank	152,400
Jualan	162,200	Tunai	8,600
		Pulangan jualan	2,400
		Baki h/b	15,800
	179,200		179,200

Atau;

Jumlah jualan = 15,800 + 2,400 + 8,600 + 152,400 – 17,000 = RM162,200

(ii) Hitung jumlah belanja susut nilai:

	RM
Kenderaan (40,000 x 15%)	6,000
Kelengkapan [(9,330 – 1,330) x 10%]*	800
Jumlah belanja susut nilai	6,800

*Kos kelengkapan = 7,000 + 2,330 = RM9,330
 Susut terkumpul kelengkapan pada 1 Oktober 2018
 = [(7,000 – 0) x 10%] + [(7,000 – 700) x 10%] = RM1,330

(iii) Penyediaan penyata pendapatan komprehensif:

Perniagaan Encik Param		
Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 30 September 2019		
	RM	RM
Jualan		162,200
(-) Pulangan jualan		2,400
		159,800
Tolak: Kos jualan		
Inventori awal	3,000	
(+) Kos belian (140,800 – 1000 – 2,800)	137,000	
	140,000	
(-) Inventori akhir	4,000	136,000
Untung kasar		23,800
Tolak: Belanja		
Belanja operasi	4,520	
Belanja susut nilai	6,800	
Belanja sewa (5,460 – 400)	5,060	16,380
Untung bersih		7,420

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2019 (tidak diperlukan)					
	RM	RM		RM	RM
Aset bukan semasa			Ekuiti pemilik		
Kenderaan (40,000 – 18,000)		22,000	Modal awal		51,500
Kelengkapan (9,330 – 2,130)		7,200	(+) Untung bersih		7,420
		29,200			58,920
Aset semasa			(-) Ambilan		5,000
Inventori	4,000				53,920
Akaun belum terima	15,800		Liabiliti semasa		
Bank	21,010		Akaun belum bayar		16,200
Tunai	110	40,920			
		70,120			70,120